



ROSMAH Mansor diiringi Shahrizat Abdul Jalil menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Lagu Puisi IPT anjuran UMP sempena *Kempen Kami Prihatin Apakah Dosaku* di Kuantan, Pahang baru-baru ini.

UUM juara puisi 'Kami Prihatin'

Oleh **MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK**
kampus@utusan.com.my

MENYEDARI keprihatinan mahasiswa menangani isu gejala sosial di kalangan generasi muda, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjadikan puisi sebagai pemangkin mendekati masyarakat untuk memberi pendidikan serta kesedaran mengenai gejala buang bayi yang semakin menular dewasa ini.

UMP dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Persatuan Wanita UMP (Matahari) dan Majlis Kebudayaan Universiti Malaysia (MAKUM) menganjurkan Pertandingan Lagu Puisi institusi pengajian tinggi (IPT) bersempena pelancaran Kempen Kami Prihatin 'Apakah Dosaku?' peringkat IPT di Dewan Astaka, UMP di Gambang, Kuantan, Pahang baru-baru ini.

Universiti yang bertanding adalah Universiti Malaya (UM); Universiti Malaysia Perlis (UniMAP); Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM); Universiti Putra Malaysia (UPM); Universiti Pendidikan Sultan Idris

kami prihatin

(UPSI); Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM); Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Turut serta ialah Universiti Malaysia Sarawak (Unimas); Universiti Sains Malaysia (USM); Universiti Teknologi Malaysia (UTM); UMP dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, puisi merupakan salah satu medium dalam menyampaikan mesej berguna untuk membentuk masyarakat prihatin dan penyayang.

"Persembahan lagu puisi ini sesuai dijadikan wadah dalam menyampaikan mesej kesedaran dengan cara yang tersendiri, kreatif malah antara saluran yang mudah diterima generasi muda hari ini," katanya.

Hadiah kemenangan pertandingan itu telah disampaikan oleh Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Hadir sama, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Penganjuran pertandingan yang julung kali diadakan ini menyaksikan UUM yang terdiri daripada Nazurul Mu'iz Azmi, Muhammad Hafeez Zakaria, Mohd.Shairi Baharuddin dan Meor Muhammad Afif Aiman Abu Bakar muncul juara dengan memenangi hadiah wang tunai RM3,000, trofi dan sijil penyertaan.

Tempat kedua milik USIM diwakili Mohd.Juhairee Mohd. Junaidee, Muhammad Shukri Sahari, Mohd. Nur Hakimi Yaman dan Alauddin Yahya.

Tempat ketiga pula dimenangi Mohd. Hijasri Hassim, Ahmad Nazif Che Abdul Rahman, Mohd. Khairi Azuandi Azahari dan Azinatunnisa Jamaludin dari Universiti Malaya (UM).

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) berada di tempat keempat dan kelima.